

9 nama senarai akhir anak panda


Putrajaya: Sembilan nama yang disenarai pendek dan disaring menerusi penyertaan Pertandingan Menamakan Anak Giant Panda diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk diteliti.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, beliau melihat senarai sembilan nama itu selepas Kementerian menerimanya minggu lalu.

“Selepas Perdana Menteri meneliti dan bersetuju, nama berkenaan dihantar kepada kerajaan China untuk diiktiraf terlebih dahulu.

“Apabila nama berkenaan diiktiraf, ia dibawa ke Kabinet sebelum satu daripadanya digunakan sebagai nama anak giant panda yang dijangka diumumkan pada Mac ini,” katanya kepada media pada Majlis Penyerahan Hadiah Tajaan Bagi Pertandingan Menamakan Anak Giant Panda di sini, semalam.

Beliau berkata, senarai nama berkenaan perlu dihantar kepada kerajaan Chi-



WAN Junaidi

na berdasarkan perjanjian antara kedua-dua negara.

Katanya, nama yang dihantar peserta dalam bahasa Mandarin dan mereka menerima penyertaan daripada pelbagai kaum.

“Sebanyak 22,830 penyertaan keseluruhan diterima dan hanya 104 nama dipilih untuk sesi saringan akhir tiga juri profesional Mandarin terdiri daripada pensyarah dan ketua pengarang akhbar Cina tempatan.

“Daripada jumlah itu, ia disenarai pendek kepada sembilan nama berkenaan,” katanya.

Pertandingan berkenaan menyediakan hadiah utama kereta Perodua MyVi tajaan Syarikat KS Holding Berhad, dan dua motosikal iaitu Demak Rino dan Demak DJ 90 ditaja Demak Marketing Sdn Bhd.